

Oleh Intan Mas Ayu Shahimi  
imas@hmetro.com.my

# 'BIG DATA INTELLIGENCE' UKM, AGA Zone jalin kerjasama

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) optimis untuk terus menyumbang kepada negara menerusi penyelidikan Big Data Intelligence (BDI) secara bersama dengan pemain industri, sekali gus mewujudkan pusat kecermatan setaraf negara maju.

Pengarah Institut Informatik Visual (IVI) UKM, Profesor Datuk Dr Halimah Badioze Zaman berkata, perkembangan teknologi hari ini mendesak supaya data penting dianalisis untuk tujuan ramalan, jangkaan serta membuat keputusan.

"Setakat ini negara sudah di landasan yang betul apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memperkenankan program transformasi digital yang dikenali sebagai Digital Malaysia.

"Begitupun, untuk memperkasakan negara memerlukan satu pusat kecemerlangan yang mampu menganalisis Big Data di masa akan datang," katanya selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UKM dan AGA Zone Sdn Bhd di Kelab Golf Danaud di sini, semalam.

UKM diwakili Timbalan Naib Canselor Profesor Dr Imran Ho Abdullah, mana-

FOTO: ROSELA ISMAIL



**"Kita harap kolaborasi bersama AGA Zone membuahkan hasil yang baik"**  
Dr Halimah

**KHAN (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Dr Imran (dua dari kanan) sambil disaksikan Dr Halimah.**

kala AGA Zone diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Khan Mohd Akram Khan.

Jelas Dr Halimah, UKM mempunyai ramai ahli Majlis Profesor Negara yang terlibat secara langsung dalam penyelidikan Big Data di se-

genap bidang.

"Ini adalah kelebihan UKM dan kita harap kolaborasi bersama AGA Zone membuahkan hasil yang baik. Paling penting, kita mahu IVI menjadi pusat rujukan BDI dan Big Data Analytics (BDA) di masa akan

datang," katanya.

Sementara itu, Khan berkata kerjasama dengan UKM itu dijangka menjadi pendorong kepada lebih banyak usahasama antara sektor awam dan swasta. "MoU ini mengikat dua organisasi untuk memperku-

kuhan perkongsian, jalinan dan jaringan kepakarannya ahli akademik dengan pengalaman industri BDA.

"Kita jangka akan wujud satu disiplin ilmu baru yang boleh menyumbang kepada pembinaan tamadun dunia," katanya.